

**Pelanggan yang dihormati,**

Helaian Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat penting tentang takaful perubatan dan kesihatan anda. Pelanggan lain telah membaca Helaian Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

**1 Apa itu Etiqa Critical Care Takaful?**

Etiqa Critical Care Takaful adalah produk takaful yang memberikan perlindungan untuk 39 penyakit kritikal tertentu untuk 1 tahun

**Konsep-konsep Syariah yang diguna pakai**

Tabarru', Wakalah, Ju'alah, Mudarabah, dan Hibah adalah konsep-konsep Syariah yang diguna pakai untuk pelan ini. Sila rujuk sijil takaful untuk maklumat lanjut mengenai konsep-konsep Syariah tersebut.





**2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda**

<b>Sebagai ilustrasi, untuk RM &lt;contribution amount&gt;, anda akan menerima perlindungan/manfaat takaful perubatan dan kesihatan berikut.</b>	
<b>Perlindungan</b>	<b>RM&lt;sum covered&gt;</b>
Manfaat Penyakit Kritikal	Penyakit kritikal yang dilindungi di bawah pelan ini termasuk: 1) Kanser 2) Strok 3) Sakit jantung <b>Nota:</b> Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil takaful untuk butiran lanjut mengenai penyakit kritikal yang dilindungi.  Bayaran manfaat bagi bagi Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari adalah terhad kepada 10% daripada jumlah yang dilindungi atau maksimum RM25,000.

**Peringatan:** Sila rujuk kepada ilustrasi pemasaran untuk butiran-butiran produk ini. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Takaful perubatan dan kesihatan anda <b>mengecualikan:</b>
a) Keadaan sedia ada; b) Kecederaan diri yang disengajakan ketika siaman; c) Penggunaan alkohol, ubat-ubat atau narkotik tanpa preskripsi atau yang menyalahi undang-undang; d) AIDS, jangkitan atau komplikasi berkaitan AIDS yang disebabkan oleh HIV kecuali mana-mana yang dilindungi.

**Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai takaful perubatan dan kesihatan anda, anda boleh:**

 Hubungi kami di 1-300-13-8888 (Etiqa Oonline)	 Lawati kami di laman web ini <sup>1</sup>	 E-mel kami di <a href="mailto:info@etiqa.com.my">info@etiqa.com.my</a>	 Imbas kod QR
---	--	--	---

<sup>1</sup> <https://www.etiqa.com.my/kesihatan/critical-care-takaful>

**3 Ketahui Kewajipan Anda**

<b>Untuk takaful perubatan dan kesihatan anda, anda mesti membayar sumbangan sebanyak:</b>	
Sumbangan	RM <contribution>
Tempoh: Anda hanya perlu membuat satu kali pembayaran sumbangan.	
<b>Anda juga perlu membayar fi dan caj berikut:</b>	
Duti Setem	Tidak dikenakan
Jumlah Fi Wakalah	20% daripada jumlah sumbangan atau RM <total Wakalah fee amount>
Caj-caj Lain Yang Dikenakan	Tidak dikenakan

**4 Syarat Utama Lain**

* Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul bagi membantu kami membuat keputusan yang betul untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma sijil takaful anda. Jika sebaliknya, anda mungkin berisiko mengakibatkan polisi anda terbatal, tuntutan anda ditolak, atau terma dan syarat sijil takaful diubah. * Anda harus berpuas hati bahawa pelan itu memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar sumbangan tersebut. * Perlindungan anda hanya akan bermula 30 hari selepas tarikh pengeluaran. * Sijil takaful ini tidak akan melindungi sebarang penyakit kritikal yang didiagnosis: i) dalam tempoh 30 hari dari tarikh pengeluaran sijil takaful; dan ii) dalam tempoh 60 hari dari tarikh pengeluaran sijil takaful bagi Kanser, Penyakit Koronari Jantung yang Memerlukan Pembedahan, Serangan Jantung, Sebarang Penyakit Arteri Koronari Serius Yang Lain. * Penyertaan semula - Anda layak untuk menyertai semula pelan ini dalam tempoh 30 hari dari tarikh luput sijil takaful ini, dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan bagi sijil takaful ini. Jumlah yang dilindungi yang dibenarkan untuk penyertaan semula sama ada bersamaan atau lebih rendah daripada jumlah yang dilindungi bagi sijil takaful ini.
<b>Nota:</b> Senarai ini adalah <b>tidak menyeluruh</b> . Anda perlu merujuk kepada sijil takaful untuk senarai terma dan syarat yang lengkap.

## Bolehkan saya membatalkan sijil takaful saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil takaful anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami

- **Tempoh percuma:** Anda boleh membatalkan sijil takaful dengan memberi notis bertulis kepada kami dalam tempoh 15 hari selepas sijil takaful diterima oleh anda. Sumbangan yang telah anda bayar (tolak sebarang fi pemeriksaan perubatan yang ditanggung) akan dikembalikan kepada anda.
- **Selepas tempoh percuma:** Anda boleh membatalkan sijil takaful anda dengan mengembalikan sijil takaful kepada kami berserta permohonan serahan secara bertulis. Tiada pengembalian sumbangan dan tiada nilai serahan akan dibayar di bawah sijil takaful ini, anda hanya akan menerima lebihan DRP terkumpul, jika ada.